KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

DOKUMEN KURIKULUM
BAHASA MELAYU

Tingkatan 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

DOKUMEN KURIKULUM
Bahasa Melayu
Tingkatan 1

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Terbitan 2026

© Kementerian Pendidikan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Aras 4, 6 - 8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027
DOKUMEN KURIKULUM
BAHASA MELAYU
TINGKATAN 1

ISBN 978-967-420-828-8

PERAKUAN

Dengan ini diperakukan bahawa dokumen ini telah disediakan dan disemak oleh pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Pendidikan. Kandungan dokumen ini adalah selaras dengan dasar, garis panduan dan ketetapan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Dokumen ini boleh digunakan sebagai rujukan rasmi bagi tujuan yang berkaitan.

.....

Ketua Pendaftar
Kementerian Pendidikan

Tarikh: 23 Jun 2026

Cap Rasmi:



KANDUNGAN

Kata Pengantar vii
Rukun Negara viii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan ix
Definisi Kurikulum Kebangsaan x
Pendahuluan 1
Matlamat 1
Kurikulum Berasaskan Standard dan Berorientasikan Kompetensi 2
Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027 2
Kompetensi 4
Fokus Kurikulum Persekolahan 2027 6
Pembentukan Karakter 8
Pentaksiran Bilik Darjah 8
Elemen Nilai Tambah 10
Kurikulum Bahasa Melayu 11
Pengenalan 11
Matlamat 11
Objektif Umum 12
Objektif Khusus 12
Fokus 13
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran 19
Organisasi Kandungan 19
1.0 Kemahiran Mendengar 21

2.0 Kemahiran Bertutur 25
3.0 Kemahiran Membaca 31
4.0 Kemahiran Menulis 35
Seni Bahasa 41
Tatabahasa 45
Glosari 49
Penghargaan 51

KATA PENGANTAR

Kurikulum merupakan nadi utama pendidikan dan teras kepada sistem pendidikan negara. Kurikulum dirangka dengan hasrat untuk melahirkan generasi yang terdidik, berpengetahuan, berkemahiran, beradab dan bersedia menghadapi cabaran serta memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan.

Kementerian Pendidikan (KPM) telah melaksanakan kajian menyeluruh meliputi sesi libat urus dan tinjauan pelaksanaan kurikulum bagi mendapatkan input serta cadangan penambahbaikan pelaksanaan kurikulum semasa dan kurikulum masa hadapan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan kurikulum persekolahan di Malaysia kekal relevan, dinamik, berkualiti, memenuhi keperluan negara dan setanding dengan kurikulum negara maju. Hasil daripada inisiatif tersebut, KPM memperkenalkan Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027).

Berlandaskan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat KP2027 adalah untuk melahirkan **insan sejahtera** yang seimbang dalam semua aspek kehidupan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, memupuk perpaduan dan hubungan sosial yang harmoni. Kurikulum ini diharap dapat membentuk warganegara yang beradab, bertanggungjawab dan berdaya saing di peringkat global.

KP2027 dibangunkan dengan beberapa pembaharuan bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel, menyeronokkan dan selaras dengan perkembangan pesat dunia. Dokumen KP2027 yang digubal menyepadukan tujuh kompetensi utama dalam kerangka kurikulum bagi memastikan matlamatnya dapat dicapai dengan berkesan. Kandungan kurikulum pula disusun dengan penekanan kepada kemahiran tertentu di setiap tahap persekolahan bagi memudahkan guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sejajar dengan kematangan usia murid.

Pembelajaran bersepadu diperkenalkan di sekolah rendah untuk memberikan murid pengalaman yang lebih bermakna, dan relevan. Program Pembentukan Karakter pula dilaksanakan daripada peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas bagi melahirkan individu bersahsiah unggul, beradab dan bertanggungjawab.

Guru perlu memanfaatkan autonomi dan kreativiti di bilik darjah untuk melaksanakan kaedah pengajaran berfokuskan murid. Pendekatan ini memastikan murid dapat menguasai kemahiran penting bagi pembelajaran dan kehidupan seharian mereka.

KPM merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KP2027. Semoga pelaksanaan kurikulum ini dapat merealisasikan hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan ke arah kecemerlangan.

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
KPM



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA, NEGARA KITA MALAYSIA
Mendukung cita-cita ke arah:

Memperkukuh perpaduan masyarakat;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Membentuk masyarakat adil yang menikmati kemakmuran negara secara saksama;
Menjamin kaedah liberal terhadap keterangkuman tradisi kebudayaan yang rencam;
Membina masyarakat progresif dan berdaya cipta yang menggunakan sains dan teknologi terkini.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Sumber: Malaysia 2026 (Kementerian Perpaduan Negara)

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Subperaturan 3(1) Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997*
[PU(A)531/97.]

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) telah mula dilaksanakan pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak bermula tahun 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) telah selesai satu kitaran penuh pada tahun 2022 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah pula pada tahun 2021.

KPM telah menjalankan kajian menyeluruh meliputi sesi libat urus yang komprehensif dan tinjauan keberkesanan terhadap pelaksanaan kurikulum semasa. Langkah ini bagi memastikan kurikulum kebangsaan kekal relevan, dinamik dan berkualiti sejajar dengan keperluan semasa serta perkembangan global.

KPM kini memperkenalkan Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) hasil daripada kajian mendalam terhadap keperluan pendidikan masa hadapan. Pelaksanaan yang bermula pada tahun 2026 ini berfokus kepada pembangunan modal insan berintegriti bagi memenuhi aspirasi negara maju yang inklusif serta mampan.

MATLAMAT

KP2027 bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang mengamalkan kehidupan seimbang dalam segala aspek penting seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial serta sentiasa membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam masa yang sama mereka menghargai perpaduan dan keharmonian kaum, menghormati kepelbagaian serta mampu membangunkan hubungan sosial yang sihat dalam lingkungan kehidupan. Seterusnya, mereka tampil sebagai warganegara beradab, bertanggungjawab dan mampu untuk berdaya saing di peringkat global.

Konsep insan sejahtera turut menekankan keterangkuman semua pihak dalam memastikan tiada individu yang terpinggir atau ketinggalan. Murid di luar arus perdana seperti Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) serta murid pintar cerdas juga mendapat peluang yang sama rata dalam mencapai matlamat insan sejahtera melalui pembelajaran yang mengambil kira keupayaan dan keperluan mereka untuk mengembangkan potensi diri.

Insan sejahtera dilengkapi dengan kompetensi Perkembangan Diri, Komunikasi, Tanggungjawab, Fasih Digital, Literasi Pelbagai, Kemahiran Berfikir dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kompetensi ini bukan sahaja memenuhi keperluan masa hadapan malah dapat meningkatkan taraf hidup individu, keluarga dan masyarakat serta menyumbang kepada kesejahteraan negara dan sejagat.

KURIKULUM BERASASKAN STANDARD DAN BERORIENTASIKAN KOMPETENSI

KP2027 merupakan kurikulum yang berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi. Kurikulum yang berasaskan standard menetapkan sasaran iaitu pengetahuan, kemahiran dan adab yang harus dikuasai oleh murid. Penyataan standard terdiri daripada Kandungan Pembelajaran, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan.

Kurikulum berorientasikan kompetensi pula menekankan keberhasilan proses pembelajaran yang holistik dan pada masa yang sama, membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap berasaskan standard yang telah ditetapkan. Kedua-dua pendekatan ini digabungkan bagi melahirkan murid yang berpengetahuan, kompeten dan memiliki adab terpuji serta keseimbangan yang optimum selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan.

KERANGKA KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

Kerangka KP2027 (Rajah 1) mengandungi tujuh kompetensi yang disampaikan melalui kandungan, dibangunkan melalui pedagogi dan dinilai melalui pentaksiran. Tujuh kompetensi tersebut terdiri daripada Perkembangan Diri, Komunikasi, Tanggungjawab, Fasih Digital, Literasi Pelbagai, Kemahiran Berfikir dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kompetensi tersebut saling berkait bagi melengkapkan murid sebagai individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai keunggulan sahsiah dan beradab, seterusnya membentuk murid sebagai insan sejahtera.



1 Perkembangan Diri

- Perkembangan Kerohanian
- Perkembangan Fizikal
- Kesedaran Kendiri
- Pengurusan Kendiri
- Kesedaran Sosial
- Pengurusan Sosial

2 Komunikasi

- Interpersonal
- Intrapersonal
- Interaksi antara Budaya
- Interaksi Global

3 Tanggungjawab

- Kewarganegaraan (Lokal dan Global)
- Keusahawanan
- Kelestarian Alam Sekitar
- Kerjaya
- Khidmat Kemasyarakatan
- Kemanusiaan
- Inklusif

4 Fasih Digital

- Pengurusan Data, Maklumat dan Teknologi
- Pemikiran Komputasional dan Penyelesaian Masalah
- Penciptaan Kandungan Digital
- Komunikasi dan Kolaborasi Digital
- Kewarganegaraan Digital dan Keselamatan Siber

5 Literasi Pelbagai

- Literasi Multimodal
- Literasi Digital
- Literasi Media
- Literasi Maklumat
- Literasi Visual
- Literasi Budaya
- Literasi Kritis
- Intertekstualiti
- Kesedaran Retorik

6 Kemahiran Berfikir

- Kritis
- Kreatif dan Inovatif

7 Pembelajaran Sepanjang Hayat

- Belajar Cara Belajar
- Budaya Membaca

Rajah 1: Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027

KOMPETENSI

Kompetensi merujuk kepada keupayaan dalam aspek pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan cara berfikir yang dikuasai oleh murid pada peringkat pendidikan yang berbeza. Murid yang kompeten berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan adab yang diperoleh dalam pelbagai situasi kehidupan.

Tujuh kompetensi utama yang digariskan merangkumi subkompetensi yang boleh disesuaikan dengan keperluan semasa. Pendekatan ini dapat memastikan kurikulum yang dibangunkan kekal relevan sejajar dengan standard terkini di samping berupaya menyediakan murid dengan kompetensi yang komprehensif untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Huraian bagi setiap kompetensi tersebut adalah seperti berikut:

Perkembangan Diri

Perkembangan Diri membolehkan murid berkeupayaan mengurus diri daripada aspek kerohanian, perubahan diri, perhubungan dengan orang lain, dan kehidupan untuk membantu pembelajaran serta pertumbuhan diri yang berterusan. Kompetensi ini menekankan pembentukan karakter seorang murid yang berdaya tahan, tangkas dan memiliki kesedaran yang tinggi serta pertumbuhan minda. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Kompetensi Perkembangan Diri

Kompetensi: Perkembangan Diri	
Subkompetensi	
i.	Perkembangan Kerohanian
ii.	Perkembangan Fizikal
iii.	Kesedaran Kendiri
iv.	Pengurusan Kendiri
v.	Kesedaran Sosial
vi.	Pengurusan Sosial

Komunikasi

Komunikasi merupakan proses pertukaran maklumat, idea, fikiran atau perasaan antara individu atau kumpulan yang melibatkan penghantaran mesej daripada pengirim kepada penerima dengan tujuan untuk menyampaikan maksud dan memberi pemahaman. Komunikasi boleh berlaku menggunakan pelbagai mod termasuk bahasa lisan, tulisan, isyarat, bahasa badan, ekspresi muka dan bentuk ekspresi yang lain seperti muzik dan lukisan. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Kompetensi Komunikasi

Kompetensi: Komunikasi	
Subkompetensi	
i.	Interpersonal
ii.	Intrapersonal
iii.	Interaksi antara Budaya
iv.	Interaksi Global

Tanggungjawab

Tanggungjawab merujuk kepada keupayaan individu untuk mengurus, bertindak secara proaktif dan melaksanakan tugas serta kewajipan. Kebolehpercayaan, kejujuran dan komitmen dalam menjalankan amanah perlu ada dalam diri seseorang individu. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Kompetensi Tanggungjawab

Kompetensi: Tanggungjawab	
Subkompetensi	
i.	Kewarganegaraan (Lokal dan Global)
ii.	Keusahawanan
iii.	Kelestarian Alam Sekitar
iv.	Kerjaya
v.	Khidmat Kemasyarakatan
vi.	Kemanusiaan
vii.	Inklusif

Fasih Digital

Fasih Digital merujuk kepada murid yang berpengetahuan dan berkemahiran digital, berupaya melaksanakan pembelajaran kendiri serta menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan beretika. Rujuk Jadual 4.

Jadual 4: Kompetensi Fasih Digital

Kompetensi: Fasih Digital	
Subkompetensi	
i.	Pengurusan Data, Maklumat dan Teknologi
ii.	Pemikiran Komputasional dan Penyelesaian Masalah
iii.	Penciptaan Kandungan Digital
iv.	Komunikasi dan Kolaborasi Digital
v.	Kewarganegaraan Digital dan Keselamatan Siber

Literasi Pelbagai

Literasi Pelbagai merujuk kepada kebolehan murid memahami dan berkomunikasi secara berkesan menggunakan pelbagai mod dan medium dalam pelbagai konteks yang relevan dengan era digital melangkaui literasi tradisional (membaca dan menulis). Rujuk Jadual 5.

Jadual 5: Kompetensi Literasi Pelbagai

Kompetensi: Literasi Pelbagai	
Subkompetensi	
i.	Literasi Multimodal
ii.	Literasi Digital
iii.	Literasi Media
iv.	Literasi Maklumat
v.	Literasi Visual
vi.	Literasi Budaya
vii.	Literasi Kritis
viii.	Intertekstualiti
ix.	Kesedaran Retorik

Kemahiran Berfikir

Kemahiran Berfikir merujuk kepada keupayaan murid menggunakan minda dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan adab bagi menghadapi sesuatu situasi. Rujuk Jadual 6.

Jadual 6: Kompetensi Kemahiran Berfikir

Kompetensi: Kemahiran Berfikir	
Subkompetensi	
i.	Kritis
ii.	Kreatif dan Inovatif

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat merujuk kepada keupayaan murid untuk terus belajar secara berterusan dengan sikap sukarela, bertanggungjawab dan bermotivasi. Murid boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi perkembangan diri serta bersedia menghadapi cabaran kehidupan dan perubahan dunia yang sentiasa berkembang. Rujuk Jadual 7.

Jadual 7: Kompetensi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Kompetensi: Pembelajaran Sepanjang Hayat	
Subkompetensi	
i.	Belajar Cara Belajar
ii.	Budaya Membaca

FOKUS KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

KP2027 memberi penekanan kepada pembangunan murid secara berperingkat selaras dengan tahap perkembangan kognitif, sosial dan emosi. Kurikulum ini dirancang bagi memastikan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai sahsiah secara berterusan sebagai persediaan untuk melanjutkan pendidikan, memasuki alam pekerjaan dan menjalani kehidupan bermasyarakat.

Prasekolah

Pada peringkat Prasekolah, fokus diberikan kepada pembangunan asas komunikasi, kemahiran bersosialisasi dan pembentukan karakter. Murid pada tahap ini dibimbing untuk membina keyakinan diri, berinteraksi secara positif dan menguasai kemahiran asas sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan rendah.

Tahap I (Tahun 1 – Tahun 2)

Fokus pada Tahap I tertumpu kepada **penguasaan literasi dan numerasi** sebagai kemahiran asas yang menjadi tunjang kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pembentukan karakter ditekankan melalui penerapan nilai murni, disiplin dan sikap positif dalam pembelajaran.

Tahap II (Tahun 3 – Tahun 4)

Pada Tahap II, murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pelbagai situasi pembelajaran. Penekanan diberikan kepada aktiviti mengukuhkan kefahaman, meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah di samping pembentukan karakter yang lebih mantap melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Tahap III (Tahun 5 – Tahun 6)

Keupayaan menganalisis dan menghasilkan inovasi merupakan fokus pada Tahap III. Penekanan diberikan kepada meningkatkan keupayaan kognitif, menggabung jalin ilmu daripada pelbagai disiplin ilmu dan kompetensi yang dikuasai dalam pembelajaran berasaskan projek. Pembentukan karakter terus diperkukuh sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan pada peringkat menengah.

Menengah Rendah (Tingkatan 1 – Tingkatan 3)

Pada peringkat Menengah Rendah, murid didedahkan dengan penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk mengenal pasti minat, bakat dan potensi diri. Pembentukan karakter diperkukuh sebelum ke peringkat Menengah Atas.

Menengah Atas (Tingkatan 4 – Tingkatan 5)

Pendidikan pada peringkat Menengah Atas tertumpu kepada pemilihan laluan bidang berdasarkan minat dan potensi diri murid untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi, memasuki alam pekerjaan dan menjalani kehidupan bermasyarakat. Pembentukan karakter terus diperkukuh dalam melahirkan insan sejahtera yang dihasratkan.

Literasi dan Numerasi

Literasi dan numerasi merupakan kemahiran asas yang menjadi tunjang pembelajaran sepanjang hayat. Kedua-dua kemahiran diterapkan dan diperkukuh merentas pelbagai bidang pembelajaran serta diaplikasikan dalam pelbagai situasi kehidupan.

Literasi merujuk kepada keupayaan murid memperoleh, memahami, mentafsir, menilai dan menggunakan maklumat daripada pelbagai medium dan konteks merentas disiplin ilmu bagi tujuan pembelajaran, komunikasi dan penyelesaian masalah.

Numerasi merujuk kepada keupayaan murid menggunakan pengetahuan tentang nombor, data dan penaakulan matematik untuk memahami, menganalisis serta menyelesaikan masalah merentas bidang ilmu dalam pelbagai situasi kehidupan.

PEMBENTUKAN KARAKTER

Pembentukan karakter merupakan elemen penting dalam melahirkan insan sejahtera yang beradab selaras dengan hasrat KP2027. Usaha ini dilaksanakan melalui empat elemen teras karakter iaitu penyayang, berdaya tahan, berupaya memimpin dan warganegara aktif yang diintegrasikan dalam semua mata pelajaran menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan juga di luar bilik darjah. Pengintegrasian ini dilaksanakan mengikut bidang, tema dan tajuk yang bersesuaian dalam mata pelajaran bagi memastikan pembentukan karakter murid berlaku secara holistik.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses berterusan yang dirancang, dilaksana dan dilaporkan oleh guru untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan pembelajaran murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif.

Pentaksiran formatif dilaksanakan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pentaksiran sumatif pula dilaksanakan pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Pentaksiran boleh dilaksanakan menggunakan kaedah pemerhatian, lisan dan bertulis.

PBD melibatkan penentuan Tahap Penguasaan (TP). TP merupakan satu bentuk pernyataan, pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. TP umum bagi Prasekolah dan Tahap I sekolah rendah adalah seperti dalam Jadual 8 manakala TP umum bagi sekolah rendah Tahap II, Tahap III dan sekolah menengah adalah seperti dalam Jadual 9.

Jadual 8: Tahap Penguasaan Umum
Prasekolah dan Sekolah Rendah Tahap I

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
TP3 **BUAT**	Murid boleh membuat sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP2 **FAHAM**	Murid boleh menerangkan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP1 **TAHU**	Murid boleh menyatakan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.

Jadual 9: Tahap Penguasaan Umum Sekolah Rendah Tahap II, Tahap III dan Sekolah Menengah

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
TP4 **AMAL**	Murid boleh mengamalkan perlakuan dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupannya secara kreatif dan inovatif.
TP3 **BUAT**	Murid boleh membuat sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP2 **FAHAM**	Murid boleh menerangkan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP1 **TAHU**	Murid boleh menyatakan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.

Pentaksiran KP2027 juga melibatkan PBD berasaskan projek. Pelaksanaan projek adalah proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu secara sistematik dan terancang. Aktiviti projek dijalankan selepas murid didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan serta boleh dilaksanakan oleh semua murid termasuk MBPK.

ELEMEN NILAI TAMBAH

Elemen nilai tambah diterapkan dalam kurikulum untuk memperkukuh kemahiran dan keterampilan murid, mempersiapkan mereka menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Penerapan elemen ini boleh dilaksanakan dalam PdP mengikut kesesuaian. Elemen nilai tambah ini merangkumi:

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR)

PKJR bermula daripada peringkat prasekolah sehingga ke sekolah menengah bertujuan membentuk dan melahirkan generasi pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah, berhati-hati dan berwaspada semasa menggunakan jalan raya.

Pendidikan Kewangan

Pendidikan Kewangan diperkenalkan dalam PdP mata pelajaran yang bersesuaian bagi meningkatkan literasi kewangan murid. Murid didedahkan kepada pengurusan kewangan peribadi yang cekap dan bijak, penerapan nilai murni serta rasa tanggungjawab dalam menghadapi cabaran hidup, serta cara membudayakan kemahiran pengurusan kewangan yang berkesan.

Pendidikan untuk Pembangunan Mampan

Matlamat Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) diintegrasikan dalam mata pelajaran yang sesuai dan relevan bagi meningkatkan kesedaran murid terhadap isu global dan menggalakkan tindakan bertanggungjawab. Elemen ini merangkumi aspek kelestarian alam sekitar, kesaksamaan sosial, serta ekonomi berdaya tahan. Pembelajaran berasaskan projek dan aktiviti komuniti boleh digunakan untuk membantu murid mengaplikasikan konsep pembangunan mampan dalam kehidupan seharian.

KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) merupakan dokumen rujukan yang menetapkan standard dan tahap kompetensi bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa. KSBM menjadi asas dalam menentukan tahap kecekapan berbahasa berdasarkan standard yang ditetapkan.

Dalam konteks kurikulum, standard kompetensi bahasa Melayu dalam KSBM menjadi rujukan bagi perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan penguasaan bahasa murid dapat diukur secara sistematik. KSBM turut menyokong penentuan tahap penguasaan murid dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis selaras dengan keperluan kurikulum Bahasa Melayu.

KURIKULUM BAHASA MELAYU

PENGENALAN

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang dilindungi oleh Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Dalam sistem pendidikan kebangsaan, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib diajarkan di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memainkan peranan penting dalam memupuk identiti nasional, perpaduan kaum dan penyebaran ilmu khususnya sebagai bahasa pengantar di sekolah. Kurikulum Bahasa Melayu juga menekankan aspek penghayatan nilai murni, warisan budaya, kesusasteraan Melayu dan keterampilan berbahasa.

MATLAMAT

Kurikulum Persekolahan 2027 Bahasa Melayu Sekolah Menengah bertujuan melahirkan murid yang berketerampilan bahasa dan berkeyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai konteks penggunaannya sebagai alat komunikasi utama yang efektif bagi memenuhi tujuan akademik, sosial dan profesional. Selain itu, murid berupaya menggunakan bahasa Melayu secara sopan dan berkesan, mengamalkan pemikiran kritis dan kreatif, menguasai ilmu pengetahuan serta fasih digital dan literasi pelbagai dalam kehidupan seharian.

Kurikulum ini turut memupuk penghayatan budaya melalui karya sastera bagi memperkukuh jati diri, perpaduan dan hubungan serantau selaras dengan aspirasi negara serta perkembangan global.

OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Persekolahan 2027 Bahasa Melayu Sekolah Menengah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif yang berikut:

1. Mendengar untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai dan merumuskan maklumat, mengembangkan idea baharu serta membuat pertimbangan berdasarkan idea secara kritis.
2. Bertutur untuk menyampaikan maklumat, bersoal jawab, berbincang, mengulas dan merumus sesuatu perkara dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.
3. Membaca pelbagai bahan sastera, bahan bukan sastera dan grafik dengan menggunakan pelbagai strategi dan teknik bacaan untuk memahami, menaakul, menganalisis, menilai serta mengembangkan idea.
4. Menulis untuk menerangkan, meringkaskan, mengolah, mengulas dan menghasilkan penulisan yang menggunakan bahasa berbudaya.
5. Memahami dan menggunakan sistem bahasa bagi tujuan lisan dan penulisan dengan betul mengikut konteks.
6. Memahami untuk menghasilkan serta mempersembahkan karya puisi dan prosa secara kreatif dan berkesan.
7. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahas.

OBJEKTIF KHUSUS

Kurikulum Bahasa Melayu Tingkatan 1 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif yang berikut:

1. Mendengar sesuatu bahan untuk mengenal pasti dan mengelaskan maklumat dengan betul.
2. Mendengar bahan perbincangan yang mengandungi pelbagai ayat untuk membanding beza dan menghubungkaitkan maklumat dengan betul.
3. Mendengar pelbagai bahan perbincangan untuk memilih, menyusun dan merumuskan sesuatu perkara dengan betul.
4. Bertutur untuk mengenal pasti maklumat dalam perbincangan dengan betul dan bertatasusila.
5. Bertutur untuk menyusun maklumat dalam perbincangan dan mengelaskan maklumat secara spontan dan bertatasusila.

6. Bertutur untuk membanding beza dan menghubungkaitkan maklumat dalam perbincangan dengan betul.
7. Membaca pelbagai bahan untuk memahami, mengenal pasti, menyenaraikan, menyusun dan menghubungkaitkan maklumat bagi mengolah idea secara kritis.
8. Membaca bahan bukan sastera dan bahan sastera untuk memahami, menyatakan, mengklasifikasikan maklumat dan membuat inferens secara betul.
9. Membina ayat dan menghubungkaitkan maklumat bagi menghasilkan ringkasan secara betul dan gramatis.
10. Menulis untuk menghuraikan idea berdasarkan bahan yang dibaca dan membina serta menulis perenggan pendahuluan, isi dan penutupan untuk menghasilkan penulisan secara betul dan gramatis.
11. Menulis ayat yang gramatis untuk menyatakan pendapat dengan hujah yang logik dan menghasilkan penulisan deskriptif serta berformat secara bertatasusila.
12. Memahami dan menghayati novel, puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional dan prosa moden melalui kemahiran berbahasa secara berkesan.
13. Memahami dan menggunakan golongan kata dan bentuk kata dengan betul mengikut konteks.
14. Memahami dan menggunakan pelbagai frasa dan ayat dengan betul mengikut konteks

FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah berfokuskan kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini memberikan fokus kepada murid tahap menengah rendah (Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3) untuk memantapkan kemahiran bahasa bagi meneroka pelbagai bidang ilmu serta mengenali minat dan potensi diri termasuk perkembangan bakat. Tahap sekolah menengah rendah juga menekankan pembentukan karakter melalui kemahiran berbahasa sewaktu berkomunikasi dengan menggunakan aspek tatabahasa yang tepat.

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) pula memberikan fokus kepada usaha untuk melengkapkan murid dengan

kemahiran berbahasa sebagai persediaan melangkah ke bidang pengajian tinggi, alam pekerjaan dan dunia sebenar.

Untuk tujuan tersebut, penggubalan kurikulum ini menerapkan kemahiran berbahasa, penerapan nilai murni, kebolehgajian dan kebolehpasaran sebagai persediaan murid untuk menjadi seorang pelajar pengajian tinggi yang cemerlang dan pekerja yang mempunyai ciri-ciri berketerampilan, berkeyakinan tinggi, berdaya saing, boleh memimpin dan berupaya menyelesaikan masalah.

Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Kurikulum Bahasa Melayu KP2027 bertujuan mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca, serta membina penghayatan terhadap karya sastera. KOMSAS menyokong pembentukan jati diri individu dan perkembangan holistik murid dari segi intelek, emosi, estetika dan nilai bersesuaian dengan budaya dan citra masyarakat negara ini. Karya yang digunakan sebagai bahan dalam PdP ialah novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional, dan boleh disesuaikan mengikut kemahiran dan aspek dalam dokumen kurikulum.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Kurikulum Persekolahan 2027 Sekolah Menengah bagi Bahasa Melayu. Kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam empat kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Seni bahasa dan tatabahasa diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran setiap kemahiran bahasa. Seni bahasa berfokus kepada aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan dalam bahasa Melayu untuk difahami dan digunakan oleh murid bagi memastikan pembelajaran Bahasa Melayu secara lebih menyeronokkan. Tatabahasa pula merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu diaplikasikan dan dianalisis oleh murid dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis. Penyerapan tatabahasa dalam sesuatu kemahiran bahasa memerlukan pengajaran yang terancang dengan pedagogi yang sesuai dan berkesan.

Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar memfokuskan keupayaan murid untuk mendengar maklumat dengan teliti, memahami dan menghayati sesuatu perkara yang didengar serta memeberikan respon

yang sesuai dalam pelbagai konteks. Kemahiran mendengar di sekolah menengah juga menekankan kepada kemahiran mendengar aktif bagi membolehkan pendengar dan penutur berkomunikasi dengan berkesan.

Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merujuk keupayaan murid berkomunikasi dengan intonasi, nada, tekanan, sebutan, jeda, kefasihan dan laras bahasa yang betul serta sesuai dalam memberikan respons, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kreatif dan kritis secara bertatasusila mengikut konteks. Penggunaan bahasa Melayu standard juga diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca memfokuskan keupayaan murid untuk meningkatkan kemampuan berbahasa dan pengetahuan murid melalui aktiviti membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai dalam pelbagai konteks. Pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan bacaan secara kritikal (kritis dan analitikal) dengan menggunakan pelbagai teknik membaca yang sesuai. Melalui kemahiran membaca, murid juga berupaya menghayati dan mengapresiasi teks yang dibaca. Kemahiran membaca juga melibatkan bacaan mentalis, intensif dan bacaan ekstensif.

Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis memfokuskan keupayaan murid untuk melahirkan idea dan menyampaikan maklumat melalui pelbagai jenis penulisan berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman, bagi menghasilkan penulisan yang kritis dan kreatif menggunakan ayat yang gramatis. Selain itu, dalam kemahiran menulis juga penekanan diberikan terhadap penggunaan kosa kata, binaan ayat, penulisan berstruktur, kohesi dan koheren, penggunaan gaya dan laras bahasa yang sesuai, kesantunan berbahasa serta bahasa berbudaya.

Tema

Tema dipilih sebagai medium untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disampaikan melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Kekeluargaan dan Kemasyarakatan

Tema kekeluargaan dan kemasyarakatan merangkumi hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan serta tanggungjawab individu atau kumpulan pelbagai bangsa untuk berinteraksi dan berperilaku baik bagi mewujudkan kerukunan dalam institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Tema ini diajarkan kepada murid agar mereka menghargai anggota keluarga dan masyarakat bagi mewujudkan perpaduan kaum dan keharmonian sejagat berlandaskan kasih sayang, hormat-menghormati, serta tanggungjawab bersama dalam memastikan kebajikan individu dan masyarakat. Tema ini dapat melahirkan masyarakat yang prihatin, berakhlak mulia, bertoleransi, bertanggungjawab dan meraikan perbezaan antara kaum serta meningkatkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat dalam kehidupan yang semakin mencabar pada zaman globalisasi ini.

2. Kesihatan

Tema ini merujuk kesempurnaan kesihatan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Tema ini diajarkan kepada murid agar mendapat pendedahan awal berkaitan dengan pemakanan nutrisi, penjagaan kebersihan, kesihatan diri, pengurusan mental, dan emosi serta amalan gaya hidup sihat. Tema ini memberikan pengetahuan berkaitan dengan kesedaran untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Tema ini juga menekankan kepentingan menjaga kesihatan melalui aktiviti sukan dan rekreasi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup.

3. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid untuk mengamalkan aspek keselamatan dan melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan kepada murid agar dapat mengutamakan keselamatan diri, persekitaran sosial dan siber. Murid juga diajar ilmu berkaitan dengan keselamatan jalan raya supaya dapat dimanfaatkan dalam kehidupan.

4. Perpaduan

Tema ini merujuk kepentingan hubungan erat yang berasaskan toleransi dalam kalangan rakyat Malaysia dan masyarakat sejagat. Tema ini diajarkan kepada murid untuk melestarikan keamanan negara dan serantau melalui institusi pendidikan. Tema ini dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang cara memelihara perpaduan, menghormati dan menghargai budaya lain, tidak terpengaruh oleh ancaman luar dan provokasi demi mengekalkan keharmonian masyarakat sejagat.

5. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merujuk citra masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan antarabangsa yang meliputi adat, seni, budaya dan warisan. Tema ini menekankan konsep keindahan dan kehalusan seni budaya dan warisan bangsa yang dapat difahami, dihayati dan diapresiasi oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia. Murid dapat melestarikan dan mengetengahkan seni budaya dan warisan Malaysia ke persada antarabangsa.

6. Patriotisme

Tema patriotisme merangkumi pembentukan jati diri dan kewarganegaraan yang merujuk pemupukan keperibadian yang teguh dan unik dalam diri individu dan masyarakat yang merangkumi adat, bahasa, budaya dan agama. Tema ini menekankan aspek pembentukan peribadi yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani. Tema ini diajarkan kepada murid untuk melahirkan warganegara yang mempunyai keperibadian bangsa, kecintaan dan kesetiaan terhadap tanah air dan semangat patriotik yang tinggi serta berpegang teguh pada prinsip Rukun Negara.

7. Sains, Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan

Tema sains, teknologi, inovasi dan pendigitalan merujuk ilmu pengetahuan yang logik, kompleks dan sistematik serta penggunaan teknologi berasaskan digital. Tema ini menekankan bidang aeroangkasa, bioteknologi, kejuruteraan dan kecerdasan digital. Tema ini diajarkan kepada murid bagi melahirkan individu yang mempunyai pemikiran saintifik dan futuristik untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi secara bertanggungjawab dan beretika.

8. Kelestarian Alam

Tema kelestarian alam merujuk tanggungjawab setiap individu untuk mengekalkan kebersihan, keindahan dan kehijauan alam sekitar. Tema ini menekankan amalan memelihara, memulihara dan menggunakan ekosistem dan biodiversiti secara mampan demi kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan manusia, fauna dan flora. Tema ini juga diajarkan kepada murid untuk memupuk sikap bertanggungjawab, prihatin dan berupaya meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi hijau bagi mengawal iklim biodiversiti negara dan dunia yang sejahtera.

9. Ekonomi

Tema ekonomi merujuk ilmu bidang perniagaan, keusahawanan dan pengurusan kewangan peribadi. Tema ini menekankan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang koperasi, perniagaan dan perdagangan serta pengurusan kewangan. Tema ini diajarkan kepada murid agar dapat menerapkan ilmu dan kemahiran tentang literasi kewangan serta pengurusan kewangan secara berhemah dalam kehidupan.

10. Pelancongan

Tema pelancongan merangkumi bidang industri pelancongan termasuklah pelancongan sukan, pelancongan kesihatan, pelancongan gastronomi, agropelancongan, ekopelancongan, dan arkeopelancongan. Tema ini menekankan ilmu pengurusan sumber yang berpotensi untuk membangunkan industri pelancongan negara. Tema ini diajarkan kepada murid untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan industri pelancongan agar dapat dipromosikan bagi menjana pendapatan negara.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi PdP merujuk kepada pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Kepelbagaian strategi PdP membolehkan guru menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang dihasratkan dalam kurikulum. Tujuannya adalah untuk melahirkan murid yang seimbang, kritis, kreatif dan inovatif. Perancangan strategi PdP perlu mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran murid, kesesuaian bahan, fleksibiliti persekitaran pembelajaran dan kaedah pentaksiran.

Antara kaedah dan teknik yang disarankan untuk PdP di bilik darjah adalah seperti didik hibur, penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif, pendekatan inkuiri, pembelajaran luar bilik darjah, pengajaran bertema, pendekatan STEM dan lain-lain yang bersesuaian.

ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen kurikulum ini memberi fokus kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan adab yang sesuai dengan tahap kebolehan dan keupayaan murid berdasarkan susunan organisasi kandungan. Rujuk Jadual 11.

Jadual 11: Organisasi Kandungan

Kandungan Pembelajaran	Aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang murid patut ketahui dan boleh lakukan bagi mencapai subbidang/subtema/subkemahiran.
Kompetensi	Keupayaan yang signifikan disepadukan secara holistik dengan pengetahuan, kemahiran dan adab melalui penguasaan subbidang/subtema/ subkemahiran.
Standard Pembelajaran	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur.
Standard Prestasi	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.
Nota	Perkara yang perlu diberi penjelasan atau penegasan tentang standard pembelajaran (Skop dan kedalaman kandungan berserta contoh aktiviti/pendekatan).
Glosari	Senarai istilah bersama-sama takrifnya yang disusun mengikut abjad bagi sesuatu bidang pengetahuan.

Guru boleh melayari laman sesawang BPK untuk mendapatkan dokumen kurikulum dan bahan sokongan.

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR

KEMAHIRAN	1.0 MENDENGAR
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Kemahiran mendengar merujuk keupayaan murid untuk mengenal pasti dan mengelaskan maklumat, membanding beza dan menghubungkaitkan maklumat serta memilih, menyusun dan merumuskan sesuatu perkara daripada pelbagai bahan perbincangan. Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar mengikut kesesuaian. Pembentukan karakter pula disepadukan menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah mengikut kesesuaian. **KOMPETENSI** 1. Literasi Pelbagai Murid berupaya mendengar untuk memahami dan menyimpulkan maklumat dalam pelbagai mod dan medium komunikasi secara berkesan dan beretika. 2. Kemahiran Berfikir Murid berupaya mendengar untuk memahami dan menyimpulkan sesuatu perkara dengan memilih maklumat yang sesuai dan betul.

STANDARD PEMBELAJARAN	
1.1 Mendengar dan memahami maklumat daripada pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai laras bahasa. 1.1.1 Mendengar sesuatu bahan untuk mengenal pasti maklumat. 1.1.2 Mendengar sesuatu bahan untuk mengelaskan maklumat yang dikenal pasti. **1.2 Mendengar dan menilai idea daripada pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai laras bahasa.** 1.2.1 Mendengar bahan perbincangan yang mengandungi pelbagai ayat untuk membanding beza maklumat. 1.2.2 Mendengar bahan perbincangan yang mengandungi pelbagai ayat untuk menghubungkaitkan maklumat. **1.3 Mendengar dan mengembangkan idea daripada pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai laras bahasa.** 1.3.1 Mendengar pelbagai bahan perbincangan untuk memilih maklumat yang sesuai. 1.3.2 Mendengar maklumat daripada pelbagai bahan perbincangan untuk menyusun dan merumuskan sesuatu perkara.	Nota ● Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan ESD perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam PdP kemahiran mendengar. ● Perbincangan merujuk kepada perbincangan formal dan tidak formal. ● Bahan merujuk kepada bahan bukan sastera dan bahan sastera. ● Bahan berbentuk audio seperti ucapan, perbincangan, berita, lagu, arahan dan bunyi persekitaran.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid berupaya mendengar untuk menyimpulkan maklumat daripada pelbagai bahan dan situasi.
3	Murid berupaya mendengar untuk menyimpulkan maklumat daripada pelbagai bahan.
2	Murid berupaya mendengar untuk menerangkan maklumat daripada bahan.
1	Murid berupaya mendengar untuk menyatakan maklumat daripada bahan.

2.0 KEMAHIRAN BERTUTUR

KEMAHIRAN	2.0 BERTUTUR
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Kemahiran bertutur merujuk keupayaan murid untuk mengenal pasti, menyusun dan mengelaskan maklumat serta membanding beza dan menghubungkaitkan maklumat dalam perbincangan. Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar mengikut kesesuaian. Pembentukan karakter pula disepadukan menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah mengikut kesesuaian. **KOMPETENSI** 1. Komunikasi Murid berupaya bertutur untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam pelbagai konteks sosial dan profesional secara berkesan. 2. Literasi Pelbagai Murid berupaya bertutur untuk menghubungkaitkan maklumat dalam pelbagai mod dan medium komunikasi secara berkesan dan beretika.

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.1 Bertutur dan menyampaikan maklumat tentang pelbagai bidang menggunakan pelbagai laras bahasa dan wacana. 2.1.1 Bertutur untuk mengenal pasti maklumat dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat. 2.1.2 Bertutur untuk mengenal pasti maklumat dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat dalam perbincangan. **2.2 Bertutur dan menghuraikan isu tentang pelbagai bidang dengan menggunakan pelbagai laras bahasa dan wacana.** 2.2.1 Bertutur untuk menyusun maklumat yang dikenal pasti dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat secara bertatasusila dalam perbincangan. 2.2.2 Bertutur untuk mengelaskan maklumat dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat secara spontan dan bertatasusila.	Nota ● Pelbagai bahan merujuk kepada pelbagai bahan yang mengandungi teks, grafik, multimedia meliputi bahan teknologi dan bahan bukan teknologi serta mempunyai pelbagai ayat. ● Pelbagai ayat merujuk kepada pola ayat, bentuk ayat, ragam ayat dan jenis ayat. ● Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan ESD perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam PdP kemahiran bertutur.

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.3	**Bertutur dan berinteraksi tentang pelbagai bidang dengan menggunakan pelbagai laras bahasa dan wacana.** 2.3.1 Bertutur untuk membanding beza maklumat yang dikenal pasti berdasarkan bahan dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat. 2.3.2 Bertutur untuk menghubungkaitkan maklumat dengan menggunakan sebutan, kosa kata dan pelbagai ayat dalamperbincangan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid berupaya bertutur untuk menghuraikan maklumat daripada pelbagai bahan dan situasi secara spontan serta bertatasusila dengan menggunakan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
3	Murid berupaya bertutur untuk menghuraikan maklumat daripada pelbagai bahan secara bertatasusila dengan menggunakan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
2	Murid berupaya bertutur untuk menyampaikan maklumat daripada bahan dengan menggunakan sebutan yang betul.
1	Murid berupaya bertutur untuk menyatakan maklumat daripada bahan.

3.0 KEMAHIRAN MEMBACA

KEMAHIRAN	**3.0 MEMBACA**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid untuk memahami, mengenal pasti, menyenaraikan, menyusun dan menghubungkaitkan maklumat bagi mengolah idea daripada pelbagai bahan serta menyatakan dan mengklasifikasikan maklumat untuk membuat inferens daripada bahan sastera dan bahan bukan sastera. Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar mengikut kesesuaian. Pembentukan karakter pula disepadukan menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah mengikut kesesuaian. **KOMPETENSI** 1. Kemahiran Berfikir Murid berupaya membaca untuk memahami dan menyimpulkan sesuatu perkara dengan memilih maklumat yang sesuai dan betul. 2. Pembelajaran Sepanjang Hayat Murid berupaya membaca pelbagai bahan bacaan dengan membuat pembacaan kendiri secara berterusan.

STANDARD PEMBELAJARAN	
3.1 Membaca dan menaakul maklumat dalam pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai laras bahasa. 3.1.1 Membaca pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai untuk memahami maklumat. 3.1.2 Membaca pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai ayat untuk mengenal pasti dan menyenaraikan maklumat. 3.1.3 Membaca pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai ayat untuk menyusun dan menghubungkaitkan maklumat bagi mengolah idea. **3.2 Membaca dan merumus pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai laras bahasa.** 3.2.1 Membaca dan memahami bahan bukan sastera dan bahan sastera untuk menyatakan dan mengklasifikasikan maklumat. 3.2.2 Membaca dan memahami bahan sastera dan bahan bukan sastera untuk membuat inferens.	Nota ● Cadangan teknik bacaan yang bersesuaian contohnya teknik membaca luncuran dan imbasan. ● Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan ESD perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam PdP kemahiran membaca.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid berupaya membaca untuk menggabungkan maklumat serta memberikan respons secara kritis berdasarkan pelbagai bahan dan situasi dengan menggunakan sebutan yang betul.
3	Murid berupaya membaca untuk menggabungkan maklumat serta memberikan respons berdasarkan pelbagai bahan dengan menggunakan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
2	Murid berupaya membaca untuk menjelaskan maklumat daripada bahan bacaan dengan menggunakan sebutan yang betul.
1	Murid berupaya membaca untuk mengenal pasti maklumat daripada bahan bacaan.

4.0 KEMAHIRAN MENULIS

KEMAHIRAN	4.0 MENULIS
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid untuk membina ayat yang gramatis, menghubungkaitkan maklumat bagi menghasilkan ringkasan dan menghuraikan idea, membina perenggan karangan untuk menghasilkan penulisan bentuk deskriptif dan berformat serta menyatakan pendapat dengan hujah yang logik. Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar mengikut kesesuaian. Pembentukan karakter pula disepadukan menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah mengikut kesesuaian. **KOMPETENSI** 1. Kemahiran Berfikir Murid berupaya menulis untuk menghasilkan penulisan lengkap tentang sesuatu perkara dengan kreatif. 2. Fasih Digital Murid berupaya menulis untuk mengenal pasti maklumat dan menghasilkan penulisan lengkap dengan menggunakan mod dan medium digital secara beretika dan betul.

STANDARD PEMBELAJARAN	
4.1 Menulis dan menghasilkan rumusan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan pelbagai laras bahasa. 4.1.1 Menulis perkataan, istilah, rangkai kata, dan ungkapan berkaitan dengan maklumat untuk membina ayat yang gramatis. 4.1.2 Menulis untuk menghubungkaitkan maklumat berdasarkan pelbagai bahan bagi menghasilkan ringkasan.	Nota ● Penerapan elemen nilai tambah, iaitu elemen PKJR, Pendidikan Kewangan dan ESD perlu diambil kira semasa menggunakan tema dalam PdP kemahiran menulis.
4.2 Menulis dan menyampaikan idea baharu daripada pelbagai bahan dengan menggunakan pelbagai laras bahasa. 4.2.1 Menghuraikan idea terhadap sesuatu perkara berdasarkan bahan yang dibaca. 4.2.2 Membina dan menulis perenggan pendahuluan, isi, dan penutup untuk menghasilkan penulisan.	● Proses PdP penulisan karangan, perenggan pendahuluan, isi dan penutup dilaksanakan secara berperingkat.

STANDARD PEMBELAJARAN		
4.3	**Menulis dan menghasilkan pelbagai jenis karangan dengan menggunakan pelbagai teknik dan gaya bahasa yang sesuai**	
	4.3.1 Menulis ayat gramatis untyuk menyatakan pendapat dengan hujah yang logik.	
	4.3.2 Menulis ayat yang gramatis untuk menghasilkan penulisan bentuk deskriptif dan berformat secara bertatasusila.	● Karangan berformat yang diberi keutamaan ialah karangan berformat berita, surat kiriman tidak rasmi dan e-mel.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid berupaya menulis untuk menghasilkan penulisan yang lengkap secara kreatif dan kritis berdasarkan pelbagai bahan dan situasi dengan menggunakan ayat yang gramatis.
3	Murid berupaya menulis untuk menghasilkan penulisan yang lengkap secara kreatif dan kritis berdasarkan pelbagai bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.
2	Murid berupaya menulis untuk menjelaskan maklumat berdasarkan sesuatu bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.
1	Murid berupaya menulis ayat berdasarkan sesuatu bahan.

SENI BAHASA

ASPEK	SENI BAHASA
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Aspek seni bahasa merujuk keupayaan murid menghayati pelbagai karya sastera melalui kemahiran berbahasa bagi menimbulkan keseronokan semasa melaksanakan aktiviti PdP Bahasa Melayu. Murid juga berupaya menunjukkan amalan positif dan menerapkan nilai patriotik dalam kehidupan seharian. Pada peringkat ini, murid berupaya memahami dan menghormati emosi serta keperluan orang lain, di samping berkomunikasi secara berkesan dengan rakan sebaya dan orang dewasa melalui pelbagai bahan bacaan sastera sama ada secara individu atau berkumpulan. Penghayatan terhadap bahan tersebut membolehkan murid mengamalkan nilai murni, membina daya tahan serta menerima dan menghargai persamaan, perbezaan dan keunikan dalam kalangan masyarakat, seterusnya membentuk jati diri yang kukuh dan berteraskan nilai kemanusiaan.

DOKUMEN KURIKULUM BAHASA MELAYU TINGKATAN 1

PERINCIAN ASPEK SENI BAHASA	
Bahan Sastera: 1. Novel 2. Puisi Tradisional dan Moden: Pantun dan Sajak 3. Prosa Tradisional dan Moden: Cerita Rakyat dan Cerpen	Nota • PdP aspek seni bahasa dilaksanakan melalui kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. • Pentaksiran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis boleh dilaksanakan semasa aktiviti seni bahasa.

TATABAHASA

ASPEK	TATABAHASA
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Aspek tatabahasa diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Aspek tatabahasa merujuk keupayaan murid untuk memahami dan menggunakan perkataan daripada golongan kata dan bentuk kata. Murid juga dapat memahami dan menggunakan frasa dan ayat dengan betul mengikut konteks. Aspek tatabahasa pada peringkat ini memfokuskan kecekapan murid untuk berinteraksi dan bersosialisasi dalam kemahiran bahasa. Murid juga berupaya untuk berfikir secara holistik dan melibatkan diri secara proaktif dalam aktiviti komuniti pada peringkat lokal dan global. Kemahiran tatabahasa merentasi pelbagai mod dan medium seperti teknologi digital yang berupaya untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan dengan menggunakan laras bahasa yang betul.

PERINCIAN ASPEK TATABAHASA	
Golongan Kata 1. Kata nama: Kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua, kata ganti nama diri ketiga, kata ganti nama tunjuk, kata ganti nama tanya, dan kata ganti nama tempat. 2. Kata kerja: Kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, dan kata kerja pasif. 3. Kata adjektif: Kata adjektif sifat/keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif pancaindera, kata adjektif waktu, kata adjektif cara,kata adjektif perasaan, dan kata adjektif jarak. 4. Kata tugas: Kata hubung, kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pembenar, dan kata pangkal ayat.	Nota • PdP aspek tatabahasa dilaksanakan melalui aktiviti kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. • Pentaksiran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis boleh dilaksanakan semasa aktiviti tatabahasa.

PERINCIAN ASPEK TATABAHASA

Pembentukan Kata

1. Kata Tunggal: akronim
2. Kata Terbitan: kata berimbuhan awalan, kata berimbuhan akhiran, kata berimbuhan apitan dan kata berimbuhan sisipan
3. Kata Majmuk: kata majmuk bebas, dan kata majmuk mantap
4. Kata Ganda: kata ganda penuh, kata ganda separa, dan kata ganda berentak

Frasa

1. Frasa Nama
2. Frasa Kerja
3. Frasa Adjektif
4. Frasa Sendi Nama

Ayat

1. Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk
2. Ragam Ayat: ayat aktif, ayat pasif
3. Jenis Ayat: ayat penyata, ayat tanya, ayat seru, ayat perintah
4. Susunan Ayat: ayat susunan biasa, ayat susunan songsang

Nota

- PdP aspek tatabahasa dilaksanakan melalui aktiviti kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.
- Pentaksiran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis boleh dilaksanakan semasa aktiviti tatabahasa.

GLOSARI

PERKATAAN/FRASA	MAKSUD
berstruktur	cara sesuatu terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga menjadi suatu pola, sistem atau bentuk tertentu
bertatasusila	Adab dan budi pekerti yang baik
hujah	pendapat berserta alasan untuk menyokong atau menentang sesuatu pendirian atau pandangan
intonasi	turun naik atau tinggi rendah nada suara
istilah	bersifat khusus yang merujuk kepada sesuatu bidang
logik	sesuai dan boleh diterima akal
membanding beza	melakukan perbandingan dan perbezaan antara dua perkara, isi, maklumat atau idea mengelaskan membahagi-bahagikan sesuatu mengikut kelompok tertentu
mengenal pasti	mengetahui, memahami, mengesan dan menentukan dengan pasti sesuatu maklumat atau perkara diperlukan
menghubungkaitkan	melihat kesinambungan, hubungan atau perkaitan antara perkara, isi, maklumat atau idea mengolah mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain
menyusun	menyusun ikut keutamaan, kepentingan atau konsep umum kepada khusus atau sebaliknya
penulisan berformat	format penulisan yang standard dan diiktiraf mengikut konteks
penulisan deskriptif	gambaran tentang keperihalan sesuatu yang ada di persekitaran dan pengalaman

PERKATAAN/FRASA	MAKSUD
perbincangan	bahan dan aktiviti yang melibatkan sumbang saran, perbualan, mesyuarat dan wawancara
rangkai kata	gabungan dua atau lebih perkataan yang membawa maksud tertentu atau baharu
sastera	kesusasteraan hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karangan bebas atau dalam bentuk puisi
spontan	tindakan, reaksi dan maklum balas yang tidak dirancang secara berstruktur, selalunya berlaku secara pantas
struktur	sesuatu yang dibina, bahagian daripada sesuatu binaan
ungkapan	susunan kata yang mempunyai maksud tertentu dan digunakan dalam penulisan dan pertuturan

PENGHARGAAN

Penasihat

Hajah Nooraini binti Kamaruddin	Pengarah
Sarina binti Salim	Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Dasar Sains Dan Teknologi)

Penasihat Editorial

Hajah Juraida binti Umat@Bidin	Timbalan Pengarah
Hajah Isnazhana binti Haji Ismail	Timbalan Pengarah
Dr. Aszunarni binti Ayob	Timbalan Pengarah
Nor Azman bin Abd. Wahab	Timbalan Pengarah
Haji Mohd Kamal bin Abdullah	Timbalan Pengarah
Haji Mhd Shafiee bin Abd Ghani	Timbalan Pengarah
Haji Shahbani bin Othman	Timbalan Pengarah
Harlina binti Mohamad	Timbalan Pengarah

Panel Penggubal

Dr. Mazlan bin Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Chin Fong Phin	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Amirul Mukminin bin Mawardi	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Beseknorliana binti Remeng	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Suhami bin Ahmad	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Zawahir bin Ismail	Institut Aminuddin Baki
Dr. Zanariah binti Ibrahim	Institut Pendidikan Guru Malaysia
Dr. Ahmad Tarop Sumor	IPGM Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
Dr. Celinea Lasan	IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
Dr. Gayatri a/p Marimothu	IPGM Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan
Datin Mastura binti Berawi	IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur

Dr. Ghazali bin Ismail	IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
Hayati binti Mat Yusof	IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
Dr. Mohd Asri bin Harun	IPGM Kampus Dato Razali Ismail, Terengganu
Dr. Noor Hayati binti Che Mat	IPGM Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
Chew Chee Hong	IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang
Dr. Abd. Hadi bin Kudin	IPGM Kampus Pendidikan Teknik, Nilai
Dr. Yusfarina binti Mohd Yussof	IPGM Kampus Pendidikan Islam, Selangor
Dr. Melvina Chung Hui Ching	IPGM Kampus Tun Abdul Razak,Sarawak
Haji Khairul Anuar bin Ismail	IPGM Kampus Ipoh, Perak
Idawati binti Moin	IPGM Kampus Tun Hussein Onn, Johor
Norhayati binti Ayit	IPGM Kampus Pulau Pinang, Pulau Pinang
Profesor Dr. Chew Fong Peng	Universiti Malaya
Dr. Maizura binti Osman	Universiti Malaya
Profesor Dr. Abdul Rasid bin Jamian	Universiti Pendidikan Sultan Idris
Profesor Madya Dr. Karim bin Harun	Universiti Kebangsaan Malaysia
Profesor Madya Dr. Dahlia binti Janan	Universiti Pendidikan Sultan Idris
Dr. Norfaizah binti Abdul Jabar	Universiti Pendidikan Sultan Idris
Dr. Alizah binti Lambir	Universiti Pendidikan Sultan Idris
Dr. Azhar bin Sabil	Universiti Putra Malaysia
Profesor Madya Dr. Rozita Radhiah binti Said	Universiti Putra Malaysia
Profesor Dr. Vijayaletchumy a/p Subramanian	Universiti Putra Malaysia
Mat Ganti bin Mansor	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Saruchi bin Sawal	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Shamdzul bin Ahmad	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Zulkafly bin Haji Othman	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Rafiza binti Ramli	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Suhaila binti Sapuan	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Suria binti Yamat	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Amran bin Bakar	Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan
Azhar bin Salleh	Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang, Johor

Hajah Maimon binti Haji Alli	Pejabat Pendidikan Daerah Saratok, Sarawak
Nor Azura binti Salleh	Pejabat Pendidikan Daerah Keramat, Kuala Lumpur
Zaini binti Md. Jamal	Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Johor
Dr. Jiani binti Jaman	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana, Selangor
Alex Leong Jun Wei	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama, Selangor
Ellan Goven a/l Rengan	Pejabat Pendidikan Daerah Sentul, Kuala Lumpur
Thilagam a/p G. Shanmugam	Pejabat Pendidikan Daerah Sentul, Kuala Lumpur
Norasiah binti Ahmad	Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah, Melaka
Ang Ying Chee	SMK Seksyen 10, Selangor
Hasfariza binti Abdul Hamid	SMK Ampang Pecah, Selangor
Kalyani a/p Murugiah	SMK Dengkil, Selangor
Nor Faiza binti Salim	SMK Gedangsa, Selangor
Siti Rafeah binti Abu Bakar	SMK Sains Alor Gajah, Melaka
Yusnira binti Yaa'akop	SMK Lubok China, Melaka

Panel Verifikasi Dokumen

Tn. Haji Mohd Kamal bin Abdullah	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Zaiton binti Hj Derahman	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Nursyazana binti Zakaria	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Rohaida binti Mazlan	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Suhami bin Ahmad	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Wan Mohd Shaifullah bin Wan Ab Rahman	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Dr. Rabahyah binti Tahir	IPGM Kampus Rajang, Sarawak
Abdul Hafiz bin Seman@Kamarulzaman	IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
Dr. Simah binti Mamat	Universiti Malaya

ISBN 978-967-420-828-8

ISBN

Tarikh muat naik: 20 Nov 2026

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan
Aras 4, 6-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.

03 8884 2000

03 8888 9917

http://bpk.moe.gov.my